

---

**KAMUS  
BIOLOGI  
FISIOLOGI**

---



## A

**adenohipofisis** (*Ig. adenohypophysis; L.hypo* bawah; *phyein* untuk tumbuh; *Id. adenohipofisis*)

Lobus berkelenjar atau bahagian pada jasad pituitari, yang terbit/ menjulur dari kantung Rathke dan terdiri daripada pars distalis, pars tuberalis dan pars intermedia.

**adenosina difosfat (ADP)** (*Ig. adenosine diphosphate (ADP); Id. adenosina difosfat*)

Kofaktor nukleotida yang terdiri daripada adenosina dan dua kumpulan fosfat. Kofaktor ini terlibat dalam pemindahan tenaga.

**adjuvan** (*Ig. adjuvant; L. ad* kepada; *juvenalis* muda; *Id. adjuvan*)

Sejenis bahan yang meningkatkan penghasilan dan masa hidup antibodi apabila badan disuntik dengan antigen.

**adrenalina** (*Ig. adrenaline; L.ad* kepada; *renes* ginjal; *Id. adrenalin*)

Hormon yang dirembeskan oleh medula suprarenal jasad adrenal juga oleh hujung saraf sistem saraf simpatetik. Hormon ini boleh bertindak sebagai peneuropancar dan mengekalkan tonus otot perlawanan dan cabut-lari.

**adrenergik** (*Ig. adrenergic; L.ad* kepada; *renes* ginjal; *Id. adrenergik*)

Saraf simpatetik yang membebaskan adrenalina atau noradrenalina dari hujungnya.

**aerob** (*Ig. aerobic; Y. aer* udara; *bios* hidup; *Id. aerob*)

Organisma yang memerlukan oksigen bebas untuk melakukan respirasi.

**akapnia** (*Ig. acapnia; Y. akapros* tanpa asap; *Id. akapnia*)

Keadaan kehadiran jumlah (amaun) karbon dioksida yang kurang daripada jumlah normal di dalam darah atau tisu.

**aklimatisasi** (*Ig. acclimatization; Id. aklimatisasi*)

## **akomodasi**

## **alat pencernaan**

Keadaan untuk menjadi biasa (sesuai) terhadap persekitaran yang berbeza-beza.

**akomodasi** (*Ig. accomodation; L. accomodare* untuk menyesuaikan; *Id. akomodasi*)

Penyesuaian terhadap sesuatu keadaan seperti penyesuaian mata untuk menerima imej yang jelas daripada objek pada jarak yang berubah-ubah atau penyesuaian reseptor terhadap rangsangan yang berubah-ubah.

**akromegali** (*Ig. acromegaly; Id. akromegali*)

Sejenis penyakit kronik pada orang pertengahan umur yang dicirikan oleh pemanjangan dan pembesaran tulang terutamanya tulang frontal dan tulang rahang.

**akson** (*Ig. axon; Y. axon* gandar; *Id. akson*)

Gentian neuron yang membawa impuls dari badan sel ke bahagian lain (ke badan sel lain).

**aktin** (*Ig. actin; Id. aktin*)

Salah satu protein di dalam otot yang bergabung dengan protein yang satu lagi iaitu miosin untuk membentuk aktinomiosin.

**aktiviti isometri** (*Ig. isometric activity; Y. isos* sama; *metron* ukuran; *Id. aktiviti isometrik*)

Aktiviti yang mempunyai ukuran atau kadar yang sama (dimensi sama).

**akuoduktus serebrum** (*Ig. cerebral aqueduct; Id. akuoduktus serebral*)

Laluan di dalam otak tengah yang menghubungkan ventrikel ketiga dan keempat.

**alantois** (*Ig. allantois; Y. allas sausej; Id. alantois*)

Organ embrio berupa kantung bermembran yang keluar dari bahagian posterior salur alimentari pada vertebrat peringkat tinggi dan bertindak sebagai organ respirasi dan/atau organ nutrisi dan/atau organ eksresi.

**alat pencernaan** (*Ig. digestive apparatus; L. disgustio* pencernaan; *Id. alat pencernaan*)

Semua organ dan kelenjar yang berhubung dengan ingesan dan pencernaan makanan, iaitu dari mulut hingga anus.

## **albumin**

## **ambang renal**

**albumin** (*Ig. albumin; L. albumen* putih telur; *Id. albumin*)

Salah satu daripada kumpulan protein yang boleh larut dan boleh gumpal seperti ovalbumin di dalam putih telur, serum albumin di dalam darah, laktalbumin di dalam susu dan leukosin di dalam gandum.

**albuminuria** (*Ig. albuminuria; Y. ouron* urin; *Id. albuminuria*)

Kehadiran sejumlah protein serum terutama albumin serum atau juga globulin serum di dalam urin. Ini juga menandakan kerosakan renal.

**aldosteron** (*Ig. aldosterone; Id. aldosteron*)

Hormon korteks adrenal yang menggalakkan retensi ion natrium, eksresi kalium dan merangsang metabolisme karbohidrat.

**aldosteronisme** (*Ig. aldosteronism; Id. aldosteronisme*)

Keadaan apabila darah mengandungi paras aldosteron yang sangat tinggi. Keadaan ini akan menyebabkan retensi natrium, kehilangan kalium urin dan alkalosis.

**alergen** (*Ig. allergen; Y. allos* lain; *ergon* aktiviti; *genes* menghasilkan; *Id. alergen*)

Sejenis bahan biasanya protein yang mengaruh alergi.

**aliran sap** (*Ig. sap flow; Id. aliran sap*)

Aliran di dalam sel tumbuh-tumbuhan, iaitu di dalam sel-sel xilem untuk mengangkut air dan mineral, dan aliran di dalam sel-sel floem untuk mengangkut bahan makanan yang telah disintesis.

**alkalosis** (*Ig. alkalosis; Y. osis* keadaan; *Id. alkalosis*)

Keadaan kealkalian bendalir badan yang berlebihan akibat pengumpulan alkali atau pengurangan asid.

**alkoholuria** (*Ig. alcoholuria; Y. ouron* urin; *Id. alcoholuria*)

Keadaan yang berlaku apabila terdapat alkohol di dalam urin.

**alveolitis** (*Ig. alveolitis; Y. itis* keradangan; *Id. alveolitis*)

Keadaan keradangan pada alveolus.

**ambang plasma renal** (*Ig. renal plasma threshold; L. renalis* ginjal; *Y. plasma* sebarang yang dibentuk; *Id. ambang plasma ginjal*)

*lih. ambang renal*

**ambang renal** (*Ig. renal threshold; L. renalis* ginjal; *Id. ambang ginjal*)

## **amilase liur**

## **anemia**

Had kepekatan sesuatu bahan di dalam plasma untuk memulakan perkumuhannya melalui ginjal.

**amilase liur** (*Ig. salivary amylase; Y. saliva liur; L. amyllum kanji; Id. amilase liur*)

Sekumpulan enzim amilase yang terdapat di dalam liur yang berfungsi menghadamkan kanji menjadi maltosa. Ia terdiri daripada dua jenis enzim, iaitu  $\alpha$ -amilase dan  $\beta$ -amilase.

**anabolisme** (*Ig. anabolism; Y. ana atas; bole baling; Id. anabolisme*)

Proses kimia dalam organisma hidup yang melibatkan pembentukan molekul kompleks daripada bahan ringkas dan pengambilan serta penyimpanan tenaga.

**anaerob** (*Ig. anaerobic; Y. an tanpa; aer udara; bios hidup; Id. anaerob*)

Organisma yang tidak memerlukan oksigen bebas untuk melakukan respirasi.

**anaesthesia** (*Ig. anaesthesia; Id. anestetika*)

Kehilangan separa atau seluruh kederiaan dengan atau tanpa kehilangan kesedaran. Ini berlaku akibat daripada penyakit, kecederaan atau penggunaan/pemberian agen anaestetik.

**anaestetik** (*Ig. anaesthetic; Id. anestetik*)

Suatu agen yang boleh menyebabkan anaesthesia; ia terbahagi kepada agen umum atau setempat mengikut kesan tindakannya.

**anafilaksis** (*Ig. anaphylaxis; Y. ana atas; phylex kawal; Id. anafilaksis*)

Keadaan menjadi hiperpeka terhadap serum atau protein asing yang disebabkan oleh dos pertama atau dos kepekaan.

**anafilaksis kulitan pasif (PCA)** (*Ig. passive cutaneous anaphylaxis (PCA); L. passivus menanggung; cutis kulit; Y. ana atas/belakang/ulang; phylaxis perlindungan; Id. anafilaksis kutan pasif*)

Anafilaksis setempat melalui suntikan intraderma antibodi, dan selepas suatu masa (lebih kurang 24-72 jam) diikuti pula dengan suntikan intravena campuran antigen dengan pewarna biru Evans. Kulit di tempat suntikan intraderma menjadi biru menunjukkan tindak balas positif. Kaedah ini digunakan dalam kajian antibodi yang dengan serta-merta menyebabkan tindak balas kehiperpekaan.

**anemia** (*Ig. anemia; Y. an tidak; haima darah; Id. anemia*)

## angiotensinogen

## antiseptik

Keadaan apabila berlaku pengurangan bilangan sel darah merah yang beredar, jumlah hemoglobin atau isipadu sel darah merah darah. Keadaan ini berlaku apabila kandungan hemoglobin kurang daripada 13-14 g/100 ml.

### angiotensinogen (*Ig. angiotensinogen; Id. angiotensinogen*)

Pecahan globulin serum yang terbentuk di dalam hepar. Ia akan ditukar kepada angiotensin melalui tindak balas hidrolisis oleh renin.

### angkutan floem (*Ig. phloem transport; Y. phlois kulit kayu; L. trans seberang; portarc membawa; Id. angkutan floem*)

Pengangkutan molekul-molekul organik yang disintesis melalui fotosintesis di dalam sistem salur floem.

### anoksemia (*Ig. anoxemia; Id. anoksemia*)

Keadaan pengoksigenan darah yang tidak mencukupi.

### anoreksia (*Ig. anorexia; Y. an tidak; orexis selera; Id. anoreksia*)

Kehilangan selera yang berlaku dalam keadaan kemurungan, permulaan demam juga dalam gangguan salur pencernaan.

### antagonisme (*Ig. antagonism; Y. antagonistes lawan; Id. antagonisme*)

Kebolehan sesuatu bahan toksik untuk menurunkan atau merencat/menghapus kesan bahan toksik yang satu lagi.

### antihistamina (*Ig. antihistamine; Id. antihistamin*)

Dadah yang melawan tindakan histamina.

### antibodi (*Ig. antibody; Y. anti melawan; Id. antibodi*)

Sejenis protein globulin yang bertindak terhadap antigen dengan mengikat kepada antigen.

### antineuritis (*Ig. antineuritic; Y. anti melawan; neuron saraf; Id. antineuritik*)

Agen yang menghalang atau meredakan keradangan saraf.

### antiradang (*Ig. antiinflammation; Id. antiradang*)

Agen yang menghalang keradangan.

### antiseptik (*Ig. antiseptic; Y. anti melawan; sepsis menjadi busuk; Id. antiseptik*)